

**PM rasmi Menara Bukit Aman
Utusan Online
11 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 April — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan merasmikan bangunan yang menjadi lambang modenisasi dan transformasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 205 tahun penubuhan pasukan itu, iaitu Menara 1 Bukit Aman, bernilai RM320 juta, Khamis ini.

Penolong Ketua Urusetia Ketua Polis Negara (Perhubungan Awam), Asisten Komisioner Ramli Mohamed Yoosuf (gambar) berkata menara itu kini menjadi pusat pentadbiran baru Bukit Aman menggantikan bangunan lama berdekatan dengan menara tersebut. "Perdana Menteri juga akan menyerahkan cek bantuan Bayaran Saguhati Khas Bekas Polis Zaman Darurat dan merasmikan Pusat Saringan Kesihatan Bukit Aman, di Bukit Aman," katanya kepada Bernama.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor pula akan merasmikan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) PDRM di Bukit Aman, katanya.

Ramli berkata Menara 1 Bukit Aman mula dibina pada 3 Mac 2005 di tapak asal tempat meletak kenderaan Bukit Aman yang berkeluasan 1.4 hektar.

Ramli berkata Jabatan Kerja Raya Malaysia bertanggungjawab mereka bentuk bangunan menara setinggi 31 tingkat dengan keluasan lantai 85,000 meter persegi dan seterusnya memantau kerja-kerja pembinaan sehingga siap sepenuhnya pada 21 April 2010.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_06.htm